

Nur Aisyah didera sebelum dibunuh

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

LANGKAWI – Polis tidak menolak kemungkinan kanak-kanak, Nur Aisyah Aleya Abdullah, 3, didera menggunakan penyangkut baju sebelum mangsa meninggal dunia dipercayai pada 16 Februari lalu.

Ketua Polis Daerah Langkawi, Superintendan Mohd. Iqbal Ibrahim berkata, pihaknya merampas dua penyangkut baju selepas melakukan pemeriksaan semula di rumah suspek di kuarters Hospital Langkawi di sini semalam.

“Pasangan suami isteri yang menjadi suspek dalam kes ini turut dibawa dalam pemeriksaan tersebut dan kita merampas dua penyangkut baju dipercayai mempunyai kaitan dalam kes dera mangsa.

“Selain itu, kita turut merampas pakaian dipakai suspek pada hari kejadian,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, penyangkut baju dan pakaian suspek akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

Menurut Mohd. Iqbal, polis

turut melakukan pemeriksaan semula di kawasan gaung Gunung Raya yang menjadi tempat mayat kanak-kanak terbabit dibuang.

“Setakat ini tiada penemuan baharu di lokasi berkenaan,” jelasnya.

Tambahnya, sebanyak tiga sampel akan menjalani proses bedah siasat iaitu tiga gumpalan rambut, dua batang gigi dan satu tengkorak kepala.

“Kita akan membawa tiga sampel ini ke Hospital Sultanah Bahiyah, esok (hari ini) untuk menjalani proses bedah siasat pada pagi Ahad sebelum dibawa ke Jabatan Kimia,” katanya.

Kosmo! Khamis lalu melaporkan, tanda tanya mengenai kehilangan seorang budak perempuan berusia tiga tahun sejak awal bulan lalu berakhir dengan kisah sedih apabila polis mengesahkan mang-

sa dibunuh selepas menemui tengkorak dan cebisan rambut mangsa di Gunung Raya di sini.

Mangsa sebelum itu dilaporkan hilang ketika berada dalam jagaan sepasang suami isteri di kuarters kakitangan Hospital Langkawi.

Jarak di antara kuarters tersebut dengan lokasi mayat ditemui di Gunung Raya adalah kira-kira

25 kilometer.

Ibu kandung Nur Aisyah Aleya, Rosmalih Samo, 32, juga telah memberikan sampel darah bagi melakukan ujian padanan asid deosiribonukleik (DNA) di Hospital Langkawi.

KERATAN *Kosmo!* 7 Mac 2019.

tidak hilang
ibuang
di Gunung
Raya

